

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE [DAMANSARA]**

**TARIKH : 10 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN TONY PUA KIAM WEE [ DAMANSARA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada 'sovereign ratings' Malaysia yang dinilai dan diterbitkan oleh S&P, Moody's dan Fitch akan terjejas akibat kemerosotan kedudukan kewangan Kerajaan. Apakah langkah Kerajaan untuk mengukuhkan 'rating' tersebut atau ianya tidak lagi dilihat penting dalam situasi ekonomi semasa.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Krisis akibat pandemik COVID-19 ini telah menyebabkan kerajaan di seluruh dunia melaksanakan langkah rangsangan bagi menyelamatkan ekonomi yang terjejas teruk dan langkah ini secara umumnya meningkatkan paras defisit fiskal dan hutang. Berdasarkan laporan yang diterbitkan pada Oktober lalu, IMF mengunjurkan bahawa langkah rangsangan yang telah dilaksanakan oleh pelbagai negara berjumlah USD11.7 trilion dan hutang sektor awam global dijangka mencecah paras 100% daripada KDNK global pada akhir 2020. Berikutan prospek pertumbuhan ekonomi yang lembap dan kedudukan fiskal yang lebih lemah, banyak negara telah dikenakan langkah penarafan bersifat negatif. Bermula dari awal tahun ini, ketiga-tiga agensi penarafan antarabangsa utama iaitu Fitch Ratings, Moody's Investors Service dan S&P Global secara kolektifnya telah mengambil sekitar 100 tindakan penurunan penarafan dan lebih 120 semakan semula *outlook* kepada negatif.

2. Malaysia, turut tidak terkecuali daripada tindakan ini. Pada 4 Disember 2020, agensi penarafan Fitch telah menurunkan penarafan Malaysia daripada A- kepada BBB+ dengan *outlook* stabil. Semakan semula ini berdasarkan kepada kesan COVID-19 dan ketidaktentuan ekonomi dunia ke atas ekonomi negara dan tidak berkaitan dengan asas ekonomi negara yang masih kukuh. Walau bagaimanapun, setakat ini agensi penarafan Moody's masih mengekalkan penarafan negara pada A3 dengan *outlook* stabil manakala agensi S&P memberikan penarafan A- dengan *outlook* negatif.

3. Fokus Kerajaan pada masa ini adalah untuk menyokong pelan pemulihan ekonomi dan merangsang aktiviti perniagaan serta melindungi kesejahteraan rakyat. Langkah ini perlu dilaksanakan demi memastikan kapasiti ekonomi terpelihara serta mengelakkan ekonomi daripada terus merosot, sehingga mengakibatkan kehilangan pekerjaan. Sehubungan dengan itu, seperti yang dibentangkan dalam Belanjawan 2021, Kerajaan

akan meneruskan dasar fiskal mengembang bagi menyokong ekonomi dan memelihara kebajikan rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua,**

4. Sesi libat urus yang lebih intensif bersama agensi penarafan kredit diteruskan dengan berkongsi maklumat terperinci mengenai prospek pertumbuhan ekonomi yang kekal berdaya tahan berbanding negara berpenarafan setara serta tindak balas dasar Kerajaan dalam menangani krisis pandemik ini. Pertumbuhan ekonomi negara juga dijangka kembali pulih dalam tempoh lebih singkat berbanding negara dalam kategori penarafan 'A' yang lain.

5. Ini adalah untuk memberi keyakinan kepada agensi berkenaan bahawa setelah ekonomi kembali pulih, Kerajaan akan kembali melaksanakan langkah konsolidasi fiskal dan inisiatif pengukuhan kedudukan fiskal kerajaan termasuk meluaskan asas hasil, mengukuhkan pentadbiran dan pematuhan cukai serta peningkatan kecekapan perbelanjaan bagi mengawal paras defisit fiskal Kerajaan. Oleh yang demikian, keperluan pinjaman Kerajaan akan dapat dikurangkan dan seterusnya ini akan dapat mengawal hutang negara. Walaupun krisis ini memberi kesan kepada kewangan Kerajaan, namun Kerajaan yakin dengan asas ekonomi Malaysia yang kukuh, Kerajaan akan dapat memperbaiki semula kedudukan penarafan setelah ekonomi negara pulih dan stabil dalam jangka sederhana.

Sekian, terima kasih.